

Aduan Integriti

Tuan/puan amat dialu-alukan menggunakan perkhidmatan ini jika mempunyai sebarang aduan/maklumat integriti mengenai anggota Jabatan Kesihatan Negeri Johor(JKNJ) serta jabatan/agensi di bawah JKNJ seperti **rasuah, penyelewengan, salah guna kuasa dan salah laku**. Aduan anda akan membantu untuk meningkatkan profesionalisme, kecekapan dan tadbir urus di JKNJ.

Disclaimer: Hanya maklumat Pengadu yang lengkap sahaja akan diambil tindakan selanjutnya(Nama, Alamat , Telefon).Maklumat peribadi dan aduan integriti yang anda laporkan akan dilindungi dan dirahsiakan di bawah Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 (Akta 711). Sekiranya anda memerlukan penjelasan lanjut, sila hubungi :

Nama : En Khairul Anwar bin Bachok

emel : jkhairulanwar@moh.gov.my

SEKTOR KESALAHAN	PERATURAN	KETERANGAN
Rasuah	Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694) (Akta SPRM 2009)	Perbuatan memberi, meminta dan menerima suapan (wang, derma, hadiah, pinjaman, seks, fi, diskaun, rebat, komisen, bonus, barang berharga, aset dan sebagainya) atau mengemukakan dan/atau memperakukan tuntutan perbelanjaan palsu.(Sek. 17 dan 18 Akta SPRM 2009)
Penyelewengan	Kanun Keseksaan	Perbuatan memalsukan dokumen/maklumat, pecah amanah jenayah, menipu, menyamar dan bersubahat melakukan kesalahan di atas. (Sek. 109, 165, 168, 405, 409, 420, 468 Kanun Keseksaan)
Salah guna kuasa	Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694)	Menggunakan pangkat, kedudukan, jawatan dimana dia mendapat faedah yang melibatkan diri sendiri dan ahli keluarganya.(Sek. 23 Akta SPRM 2009)
Salah laku	Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993	Perbuatan tidak beretika, tidak berdisiplin, berniaga tanpa kebenaran, pakaian tidak senonoh, dadah, gangguan seksual, menyenggara kehidupan melebihi emolumen, keberhutangan serius, ponteng kerja dan sebagainya. (Perkara 4-23)